



MUHAMMAD RASFAN ABU BAKAR

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Animasi & Multimedia Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau telah menerima pendidikan formal dalam bidang seni visual di beberapa universiti terkemuka di Malaysia. Pemegang Diploma Rekaan Komputer Grafik dari Kolej Cosmopoint, Diploma Fotografi dan Pengimejan Kreatif Universiti Teknologi MARA (UiTM), Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Seni Halus UiTM, dan Sarjana Seni Visual dan Rekaan Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau memulakan karier akademiknya pada tahun 2007 dengan menjadi pensyarah di *Malaysia Institute of Integrative Media (MIIM)*, dulunya dikenali sebagai Akademi TV3. Pada tahun 2008 beliau telah berkhidmat di *Limkokwing University of Creative Technology (LUCT)*. Kemudiannya beliau menyertai *Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC)* pada tahun 2009. Beliau juga pernah berkhidmat di beberapa institusi pendidikan tinggi secara sambilan seperti di Univeriti Teknologi MARA (UiTM), *SEGi University*, *Tunku Abdul Rahman College University (TARC)* dan Universiti Selangor (Unisel).

Diantara mata pelajaran yang diajarnya ialah *Fundamentals of Design*, *Photographic Studies*, *Drawing Studies*, *History of Graphic Design*, *Visual Communication*, *3 Dimensional Design*, *Narrative Cinematic*, *Photography-Studio & Lighting*, *Digital Audio & Video Production*, *Illustration*, *Digital Painting*, *Element of Design*, Lukisan

Gesture, Lukisan Media Campuran, Papan Cerita dan Kaedah Penyelidikan Rekabentuk.

Selain menjadi pensyarah, beliau juga giat melakukan penyelidikan, penulisan serta menyertai pelbagai konferen bertaraf antarabangsa. Beliau mendapat geran penyelidikan dari Skim Geran Penyelidikan Dana Industri Kreatif Negara (DIKN) pada tahun 2015 dan Geran Dana Kursi P. Ramlee ASWARA 2016. Beliau telah membentangkan pelbagai kertas kerja di *6th Global Summit on Education (GSE 2017). Trends and Challenges in Education. The 3rd International Conference On Language, Education, Humanities an Innovation (ICLEHI 2016), International Conference of Applied and Creative Arts (ICACA 15), 1st International Conference on Action Research in Education (iCARE 14), 2nd International Conference on Social Sciences Research (ICSSR 2014), dan 3rd International Conference on Performing Arts as Creative Industries in Asia (PACIA 2013).*

Selain itu beliau aktif menulis pelbagai artikel di Berita Harian, Mingguan Malaysia, Kosmo dan majalah Mastika. Beliau juga merupakan seorang kolumnis dan mempunyai ruangan kolumnisnya sendiri iaitu Anjung Visual terbitan Majalah Dewan Budaya. Sehingga kini beliau telah menghasilkan dua buah buku berjudul Buku Kenangan terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) & PENA (ISBN 978-967-0798-73-8) dan *Nature Photography*-Panduan Merakam Foto Alam Semula Jadi terbitan PTS NetMedia (ISBN 978-967-0185-42-2).

Beliau turut aktif di dalam dunia seni visual tanah air dan dikenali sebagai artis multi disiplin kerana menggunakan pelbagai media dalam berkarya seperti lukisan, catan, seni cetak, fotografi, video dan puisi. Beliau telah menyertai puluhan pameran berkumpulan di dalam dan luar negara seperti di Argentina, Itali, Sepanyol, Portugal, Amerika, Canada, Greece, Jerman, Switzerland dan Iran.

PENCAPAIAN

Sehingga kini, beliau telah menghasilkan enam pameran solo yang berjudul *Colour Xplorer: Works On Paper (2015)*, *Cloud (2014)*, *Eureka (2013)*, *Lakeside in Gardenia (2013)*, *Colour Xplorer: The Garrison Line (2012)* dan *Colour Xplorer: Euphoria (2011)*. Beliau turut terlibat dalam kerja kuratorial dengan menjadi kurator untuk pameran Terbuka Galeri Shah Alam 2017, *While We're Living* oleh Fadli Mokhtar, MyExpresi oleh pelajar Animasi & Multimedia ASWARA dan *Que Sera Sera* oleh *Christine Dass*.

Beliau turut gemar dalam melakukan aktiviti sukan dan rekreasi. Beliau sering membawa pelajarannya beriadah dan mendaki bukit di Tanjung Tuan, Melaka, dan berkarya di Pantai Port Dickson, Negeri Sembilan. Kuala Linggi, Melaka. Sungai Pongsoon, Ulu Langat, Selangor serta Pulau Langkawi, Kedah. Beliau juga aktif dalam aktiviti sukan dan telah menyertai lebih dari 20 buah acara larian marathon dan sehingga kini rekod larian peribadinya adalah sejauh 23 kilometer dengan catatan masa 4 jam.

Bagi meluaskan pandangan dan pengalaman, beliau dan isteri sering melancong ke luar negara seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Korea Selatan, Jerman, Switzerland, Perancis, Belgium, Belanda, England, Itali, Monaco dan Australia.